



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 77  
No. 29

**18hb Julai 2024**

*TAMBAHAN No. 5  
PERUNDANGAN*

---

**Phg. P.U. 6.**

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING  
(LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2022

---

### SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

#### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

Undang-  
undang  
kecil

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran

#### BAHAGIAN II

##### PELESENAN

3. Kehendak pelesenan
4. Tatacara pelesenan

Undang-  
undang  
kecil

5. Tatacara pembaharuan lesen
6. Daftar dan pengeluaran lesen
7. Fi lesen
8. Pengecualian fi lesen
9. Pertukaran pemunyaan anjing berlesen
10. Penggantian lencana
11. Memakai kolar dan lencana

### **BAHAGIAN III**

#### **PENGUATKUASAAN**

12. Kuasa untuk memasuki dan memeriksa
13. Penangkapan dan pelupusan anjing berkeliaran
14. Penalti
15. Kuasa mengkompaun
16. Kesalahan yang boleh dikompaun
17. Pendakwaan

### **BAHAGIAN IV**

#### **AM**

18. Tanggungjawab pemunya
19. Sekatan yang dikenakan ke atas pemeliharaan anjing
20. Kawalan ke atas anjing terhad atau terkawal
21. Kawalan ke atas anjing kecil di flat
22. Larangan ke atas anjing terlarang
23. Anjing berpenyakit
24. Kacau ganggu
25. Kesalahan berkaitan anjing terbiar
26. Serangan anjing dsb.
27. Anjing berbahaya
28. Pembatalan dan peruntukan peralihan

**JADUAL PERTAMA**

**JADUAL KEDUA**

**JADUAL KETIGA**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING  
(LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2022**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

**BAHAGIAN 1**

**PERMULAAN**

**Tajuk ringkas dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Lembaga Pembangunan Tioman) 2022**.
- (2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.
- (3) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyiarannya dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anjing” ertinya sebarang anjing jinak jenis kanin;

“anjing baka kecil” ertinya mana-mana anjing sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

“anjing berlesen” ertinya anjing yang telah dilesenkan di bawah undang-undang kecil 4;

“anjing biasa” ertinya baka atau kacukan anjing tidak termasuk baka atau kacukan anjing terhad dan anjing terlarang;

“anjing panduan” ertinya seekor anjing yang telah dilatih untuk memandu dan menunjuk arah seorang buta atau kurang upaya (OKU) dan mempunyai sijil dari mana-mana pusat latihan bertauliah;

“anjing terbiar” ertinya mana-mana anjing yang dibiarkan merayau-rayau atau berkeliaran dalam kawasan Lembaga dan di luar premis tanpa kawalan;

“anjing terhad atau terkawal” ertinya mana-mana anjing sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“anjing terlarang” ertinya baka atau kacukan anjing tersenarai seperti Jadual Ketiga;

“daftar” ertinya adalah suatu rekod yang mengandungi butiran yang dinyatakan dalam undang-undang kecil 6;

“doktor veterinar” ertinya doktor veterinar sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Doktor Veterinar 1974 [*Akta 147*];

“Lembaga” ertinya Lembaga Pembangunan Tioman;

“lencana” ertinya lencana atau apa-apa pengenalan yang mempunyai nombor siri yang sama dengan nombor pendaftaran anjing;

“pegawai” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“pemunya” ertinya berhubungan dengan seekor anjing, termasuklah mana-mana orang yang memiliki, menjaga atau mempunyai kawalan ke atas mana-mana anjing;

“Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Yang Dipertua/Timbalan Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Lembaga Pembangunan Tioman yang diberi kuasa secara bertulis untuk mengeluarkan lesen oleh Yang Dipertua;

“Pihak Berkuasa Veterinar” ertinya Pihak Berkuasa Veterinar sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Akta Binatang 1953 [*Akta 647*];

“tempat tumpuan awam” ertinya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];

“Timbalan Yang Dipertua” ertinya Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman;

“Yang Dipertua” ertinya Pengerusi Lembaga Pembangunan Tioman dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

## BAHAGIAN II

### PELESENAN

#### Kehendak pelesenan

3. (1) Tiada seseorang boleh memiliki, menyimpan, memelihara, melindungi atau menjaga mana-mana anjing melainkan jika dilesenkan menurut Undang-Undang Kecil ini.

(2) Suatu lesen hanya boleh diberikan sekiranya pemohon;

(a) telah mendaftar dan membayar fi tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam undang-undang kecil 7.

- (b) dalam hal anjing terhad atau terkawal hendaklah dibuat selepas—
- (i) pemohon telah mengikuti dan lulus kursus pengendalian anjing; dan
  - (ii) anjing itu telah mengikuti dan lulus kursus “*Canine Good Citizen*” yang dianjurkan oleh mana-mana badan yang diluluskan oleh Yang Dipertua.
- (c) dalam hal anjing kecil di flat, hendaklah disertakan bersama surat persetujuan daripada *Joint Management Body* (JMB) atau *Joint Management Corporation* (JMC) semasa memohon lesen.
- (3) Suatu lesen yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah sah bagi tempoh satu tahun.
- (4) Fi yang dibayar menurut undang-undang kecil 7 tidak boleh dibayar balik.
- (5) Mana-mana orang yang memiliki, menyimpan, memelihara, melindungi atau menjaga mana-mana anjing tanpa satu lesen yang sah adalah melakukan satu kesalahan.

### **Tatacara pelesenan**

4. (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen—
- (a) hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dalam bentuk borang atau mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen; dan
  - (b) hendaklah disertakan dengan fi bayaran proses sebanyak sepuluh ringgit.
- (2) Selepas menerima sesuatu permohonan dan fi untuk lesen itu, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah—
- (a) mendaftarkan anjing yang berkenaan dengan menyebabkan suatu catatan dibuat dalam daftar yang disimpan bagi maksud itu mengenai perihal anjing dan nama serta alamat pemunya atau apa-apa syarat lain yang ditetapkan dari masa ke semasa; dan
  - (b) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu lesen dan lencana atau apa-apa bentuk pengenalan yang sesuai dengan nombor siri atau nombor daftar anjing itu.
- (3) Pihak Berkuasa Melesen boleh, selepas menimbangkan permohonan itu, meluluskan atau menolak permohonan itu.
- (4) Sesuatu lesen itu hendaklah diperbaharui pada atau sebelum tamat tempoh lesen itu.

### **Tatacara pembaharuan lesen**

5. (1) Suatu permohonan untuk membaharui lesen hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen dan disertakan dengan fi seperti yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh selepas menimbangkan permohonan itu meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Fi yang dibayar dalam undang-undang kecil 7 tidak boleh dibayar balik.

### **Daftar dan pengeluaran lesen**

6. (1) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah menyimpan dan menyelenggara suatu daftar yang mengandungi maklumat yang berikut—

- (a) alamat dan butir-butir pemunya anjing;
- (b) baka, jantina dan umur anjing;
- (c) sama ada anjing itu telah dimandulkan atau dikasikan;
- (d) tempat anjing itu dipelihara;
- (e) nombor siri lesen;
- (f) tempoh sah lesen; dan
- (g) apa-apa butiran berkaitan yang lain.

(2) Suatu permohonan untuk mengubah maklumat dalam daftar hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

### **Fi lesen**

7. (1) Fi lesen yang dibayar untuk setiap ekor anjing di dalam satu premis untuk setahun adalah seperti berikut:

Jenis anjing	Fi (RM)
(a) anjing biasa	50.00 seekor
(b) anjing yang dimandulkan	20.00 seekor
(c) anjing terhad atau terkawal	100.00 seekor
(d) anjing baka kecil	50.00 seekor

### **Pengecualian fi lesen**

8. Pihak Berkuasa Melesen boleh mengecualikan fi lesen terhadap mana-mana anjing yang dimiliki oleh Orang Kelainan Upaya (OKU), agensi kerajaan dan mana-mana orang atau badan yang disyorkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

### **Pertukaran pemunyaan anjing berlesen**

9. Jika terdapat pertukaran pemunyaan mana-mana anjing yang berlesen, pemunya yang baru hendaklah dalam tempoh sebulan dari pertukaran itu memberitahu Pihak Berkuasa Melesen mengenai pertukaran itu, dan hendaklah mendaftar nama serta alamat pemunya baru itu dengan bayaran fi yang ditetapkan oleh Lembaga.

### **Penggantian lencana**

10. Jika suatu lencana hilang atau rosak, pemunya anjing berkenaan hendaklah mendapatkan lencana gantian atas permohonan dan pembayaran fi yang ditetapkan.

### **Memakai kolar dan lencana**

11. Pemunya anjing berlesen hendaklah mengadakan kolar anjing yang sesuai untuk dipakai oleh anjing itu, yang padanya lencana pendaftaran anjing itu hendak dipasang dan boleh dilihat dengan jelas.

## BAHAGIAN III

### PENGUATKUASAAN

### **Kuasa untuk memasuki dan memeriksa**

12. Lembaga atau mana-mana pegawai boleh pada bila-bila masa yang munasabah memasuki mana-mana bangunan atau premis bagi menjalankan apa-apa pemeriksaan, penyiasatan, rampasan atau menguatkuasakan apa-apa peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini bagi maksud menentukan sama ada suatu kesalahan telah dilakukan atau sedang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

### **Penangkapan dan pelupusan anjing berkeliaran**

13. (1) Mana-mana anjing tidak berlesen atau anjing berlesen yang didapati berkeliaran di mana-mana tempat awam boleh ditangkap oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh menyimpan mana-mana anjing yang ditangkap mengikut Undang-Undang Kecil ini untuk tempoh dua hari bagi anjing tidak berlesen dan tujuh hari bagi anjing yang berlesen di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Lembaga.

(3) Mana-mana pemunya boleh menuntut anjing kepunyaannya yang telah ditangkap dengan membayar fi yang ditetapkan.

(4) Jika mana-mana anjing yang ditangkap mengikut Undang-Undang Kecil ini didapati adalah anjing yang berlesen melalui lencana yang dipakainya, Lembaga hendaklah menyampaikan kepada orang yang nama dan alamatnya telah dicatatkan dalam daftar sebagai pemunya, suatu notis yang menyatakan bahawa anjing itu telah ditangkap dan akan dijual atau dilupuskan jika tidak dituntut dalam masa tujuh hari dari tarikh notis itu.

(5) Suatu notis di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh disifatkan telah disampaikan kepada pemunya—

- (a) dengan menyerahkan notis bertulis itu terus kepada pemunya yang telah dikenal pasti;
- (b) dengan meninggalkan notis bertulis itu di alamat pemunya sebagaimana yang dinyatakan dalam daftar;
- (c) dengan menghantar notis bertulis melalui pos ke alamat pemunya itu sebagaimana yang dinyatakan dalam daftar; atau
- (d) dengan menyampaikan isi perkara notis itu melalui telefon, jika ada sebagaimana yang dinyatakan dalam daftar.

(6) Suatu notis yang dihantar melalui pos hendaklah disifatkan telah disampaikan tidak lewat dari hari ketujuh selepas notis itu diposkan.

(7) Lembaga boleh menyebabkan mana-mana anjing yang ditangkap mengikut Undang-Undang Kecil ini dijual, diadopsi atau dilupus sekiranya—

- (a) dalam kes anjing berlesen yang telah ditahan oleh Lembaga selama tujuh hari selepas penangkapan, atau dalam hal notis yang disampaikan mengikut undang-undang kecil 4, selama tujuh hari selepas notis itu diposkan—
  - (i) tidak dituntut oleh pemunya;
  - (ii) pemunya enggan membayar fi yang dinyatakan; atau
  - (iii) pemunya tidak dijumpai.
- (b) dalam kes anjing tidak berlesen yang telah ditahan oleh Lembaga selama dua hari selepas penangkapan.

(8) Mana-mana anjing yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dihapuskan sebaik sahaja ia ditangkap jika Lembaga berpendapat bahawa anjing itu berada dalam suatu keadaan yang menghendaki anjing itu dilupuskan dengan serta-merta.

(9) Tiada apa-apa pampasan boleh dibayar oleh Lembaga kepada mana-mana pihak bagi—

- (a) apa-apa kecederaan atau kematian mana-mana anjing semasa anjing itu ditahan;
- (b) apa-apa tindakan jualan, adopsi atau pelupusan mana-mana anjing di bawah Undang-Undang Kecil ini.

### **Penalti**

14. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang- Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau arahan yang diberikan oleh Yang Dipertua adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Kuasa mengkompaun**

15. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan dinyatakan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaunkan.

(2) Pengkompaunan suatu kesalahan menurut subperenggan (1) hendaklah dibuat melalui satu notis secara bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi separuh kadar penalti dalam tempoh 14 hari bekerja.

(3) Apa-apa notis di bawah subperenggan (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(4) Jika jumlah yang dinyatakan dalam notis di bawah subperenggan (2) itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa.

### **Kesalahan yang boleh dikompaun**

16. Kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.

### **Pendakwaan**

17. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap mana-mana kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

## BAHAGIAN IV

AM

**Tanggungjawab pemunya**

18. Pemunya anjing hendaklah—

- (a) membawa anjing yang sakit atau disyaki sakit untuk diperiksa dan dirawat oleh doktor veterinar dengan segera;
- (b) memaklumkan kepada Lembaga dengan segera sekiranya:
  - (i) anjing itu didiagnosa menghidap apa-apa penyakit merbahaya oleh doktor veterinar; atau
  - (ii) menunjukkan tingkahlaku yang luar biasa atau tanda-tanda yang menunjukkan ianya mengalami penyakit yang merbahaya.
- (c) membayar kepada Lembaga apa-apa kos bagi penahanan untuk pengawasan atau pelupusan anjing yang berpenyakit;
- (d) menyedia dan menyenggara tempat di mana anjing itu disimpan supaya berada dalam keadaan bersih, terlindung daripada panas dan hujan;
- (e) tidak membuang dari premisnya apa-apa bahan najis daripada anjing itu ke dalam longkang, jalan atau tempat awam atau dengan apa-apa cara yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada orang lain;
- (f) memastikan bahawa anjing itu tidak menjadi kacau ganggu kepada orang lain disebabkan salakan yang tidak henti-henti, berbau busuk atau selainnya;
- (g) memastikan bahawa anjing itu tidak dilepaskan merayau di luar kawasan premis pemunya;
- (h) dalam kes anjing terhad atau anjing terkawal, mana-mana anjing yang dibawa keluar dari premis hendaklah diikat dan berada di bawah kawalan pemunya dan mulut anjing itu hendaklah sentiasa ditutup;
- (i) hendaklah mengutip dan membersihkan najis anjing kepunyaannya yang dibuang di kawasan awam;
- (j) tidak mengabaikan anjing kepunyaannya di mana-mana lokasi di luar premis yang berdaftar;
- (k) melaporkan kematian atau kehilangan anjing kepunyaannya kepada Lembaga dengan segera;
- (l) mempamerkan pada setiap masa tanda amaran kehadiran anjing di suatu tempat yang ketara dan mudah dilihat di bahagian hadapan dan belakang premisnya;

- (m) tidak meninggalkan atau membuang anjing kepunyaannya di mana-mana tempat awam; dan
- (n) tidak memelihara, menyelenggara atau membawa anjing di mana-mana tempat awam.

**Sekatan yang dikenakan ke atas pemeliharaan anjing**

19. (1) Tanpa menjaskan undang-undang kecil 3, tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara, melindungi atau membenarkan anjing dipelihara atau dilindungi—

- (a) lebih daripada dua ekor anjing di premisnya yang mempunyai keluasan satu ribu meter persegi atau kurang; atau
  - (b) lebih daripada empat ekor anjing di premisnya yang mempunyai keluasan melebihi satu ribu meter persegi; atau
  - (c) lebih dari satu ekor anjing kecil di mana-mana flat atau bangunan yang mempunyai hak milik strata bertingkat dengan kelulusan Lembaga.
- (2) Lembaga boleh menetapkan kawasan larangan membawa anjing.

**Kawalan ke atas anjing terhad atau terkawal**

20. Mana-mana orang yang diberikan lesen oleh Lembaga untuk memiliki, menyimpan, memelihara, melindungi atau menjaga anjing terhad atau terkawal hendaklah—

- (a) memelihara anjing itu di bawah pengawasan yang sepatutnya pada setiap masa;
- (b) memastikan bahawa anjing itu diikat dan disarung mulutnya dan berada di bawah kawalan yang sepatutnya pada setiap masa apabila ia dibawa keluar dari premis;
- (c) memastikan bahawa anjing itu tidak berkeliaran keluar dari tempat ia dipelihara;
- (d) memastikan bahawa premisnya dipagar dengan selamat dan pagar itu disenggarakan dengan sepatutnya pada setiap masa;
- (e) memamerkan pada setiap masa tanda amaran di suatu tempat yang ketara dan mudah dilihat di bahagian hadapan dan belakang premisnya.

**Kawalan ke atas anjing kecil di flat**

21. Mana-mana orang yang diberikan lesen oleh Lembaga untuk memiliki, menyimpan, memelihara, melindungi atau menjaga anjing kecil di flat hendaklah—

- (a) memelihara anjing itu di bawah pengawasan yang sepatutnya pada setiap masa;
- (b) memastikan bahawa anjing itu tidak menimbulkan suatu masalah atau kacau ganggu, atau mewujudkan sebarang gangguan yang tidak munasabah kepada penghuni lain;
- (c) memelihara anjing di dalam unit pemilik sahaja dan tidak dibenarkan berkeliaran bebas;
- (d) membawa keluar anjing dari bangunan tersebut hanya melalui perkhidmatan lif;
- (e) memastikan anjing yang dipelihara tidak kencing atau membuang air besar di kawasan umum; dan
- (f) bertanggungjawab untuk segera membersihkan kawasan jika haiwan peliharaan melakukan kesalahan di perenggan 21(e).

**Larangan ke atas anjing terlarang**

22. (1) Tanpa menjelaskan undang-undang kecil 3, tiada siapa boleh memiliki, menyimpan, melindungi atau menyenggara mana-mana anjing terlarang.

(2) Lembaga boleh merampas, melucutahak dan melupuskan mana-mana anjing terlarang yang dijumpai di dalam mana-mana premis atau berkeliaran di tempat awam.

(3) Tiada pampasan boleh dibayar kepada mana-mana pemunya bagi pelupusan mana-mana anjing terlarang menurut subperenggan (2).

**Anjing berpenyakit**

23. (1) Sekiranya seseekor anjing berpenyakit, pemunya anjing itu hendaklah dengan segera membawa anjing itu untuk diperiksa dan dirawat oleh seorang doktor veterinar dan anjing itu tidak boleh dibenarkan disimpan di premis pemunyanya melainkan jika anjing itu telah diperiksa dan dirawat oleh doktor veterinar itu atau walaupun masih dirawat oleh doktor veterinar, telah dibenarkan oleh doktor veterinar itu untuk disimpan di premis pemunyanya.

(2) Jika ternyata kepada Lembaga bahawa seekor anjing mengalami apa-apa penyakit, Lembaga boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemunya anjing itu membawa anjingnya untuk diperiksa oleh doktor veterinar dalam suatu tempoh yang dinyatakan di atas perbelanjaan pemunyanya.

(3) Sekiranya anjing itu ditempatkan di paun Lembaga oleh mana-mana pihak berkuasa bagi tujuan kuarantin atau rawatan, maka Lembaga hendaklah memberitahu pemunyanya supaya mendapatkan kembali anjing itu dalam tempoh yang dinyatakan setelah membayar kos-kos yang ditanggung oleh Lembaga bagi penahanan atau rawatan atau kedua-duanya sekali.

(4) Jika anjing itu tidak dituntut oleh pemunya atau pemunya enggan membayar kos-kos yang ditanggung oleh Lembaga di bawah subperenggan (3), Lembaga boleh menyebabkan anjing itu dijual, dibinasakan atau selainnya dilupuskan dan tiada pampasan kena dibayar kepada pemuna oleh Lembaga.

### **Kacau ganggu**

24. Pemunya anjing berlesen hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk—

- (a) memastikan bahawa anjing itu tidak menyebabkan apa-apa kacau ganggu kepada kawasan persekitaran atau alam keliling, khususnya melalui salakan tidak henti-henti atau selainnya.
- (b) memastikan bahawa apa-apa najis atau bahan kumuhan daripada anjing kepunyaannya tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk sekitarnya.

### **Kesalahan berkaitan anjing terbiar**

25. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) meninggalkan atau membuang anjing kepunyaannya di mana-mana tempat awam.
- (b) memberi makan kepada mana-mana anjing terbiar di mana-mana tempat awam.
- (c) menandakan mana-mana anjing tidak berpunya dengan apa-apa cara termasuk memotong sebahagian telinga, mengikat tali atau mengecat anjing itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan penalti di bawah undang-undang kecil 14.

**Serangan anjing, dsb**

26. (1) Jika anjing berlesen mengejar, menyerang atau menggigit mana-mana orang, haiwan peliharaan orang lain sama ada menyebabkan atau tidak menyebabkan apa-apa kecederaan, atau merosakkan harta awam, pemunya adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikompaun.

(2) Tanpa menjelaskan subperenggan (1), pemunya adalah bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi bagi kecederaan kepada mana-mana orang atau kerosakan harta benda yang disebabkan oleh anjing itu.

(3) Tiada pampasan dikenakan kepada mana-mana orang di bawah Undang-Undang Kecil ini berkenaan dengan kecederaan yang dialami dalam mana-mana rumah atau premis melainkan jika seseorang itu telah memasuki rumah atau premis sedemikian mengikut perjalanan biasa tugas-tugasnya atau dengan kebenaran penghuni itu.

**Anjing berbahaya**

27. (1) Lembaga hendaklah membuat siasatan terhadap suatu aduan bahawa anjing adalah berbahaya.

(2) Jika ternyata kepada Lembaga setelah menjalankan siasatan terhadap suatu aduan bahawa anjing berlesen adalah berbahaya, Lembaga boleh membuat suatu perintah mengarahkan pemunya supaya memelihara anjing itu di bawah kawalan yang sepatutnya.

(3) Bagi maksud subperenggan (2), jika anjing berlesen itu dibuktikan telah menyerang atau mencederakan mana-mana orang atau haiwan peliharaan orang lain, anjing itu boleh dikira sebagai berbahaya.

(4) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini anjing berlesen adalah disifatkan sebagai tidak dipelihara di bawah kawalan sepatutnya jika anjing itu tidak ditutup mulutnya ataupun diikat jika berada di tempat awam.

(5) Jika pemunya gagal mematuhi sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga di bawah subperenggan (2) atau jika telah dibuktikan bahawa anjing berlesen itu telah sekali lagi menyerang atau mencederakan mana-mana orang atau haiwan peliharaan orang lain, Lembaga boleh memerintahkan supaya anjing itu ditangkap dan dilupuskan, dan tiada pampasan boleh dibayar oleh Lembaga kepada pemunya kerana pelupusan itu.

**Pembatalan dan peruntukan peralihan**

28. Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen, dokumen atau tindakan yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga terbatas.

## JADUAL PERTAMA

Anjing terhad atau terkawal  
(Undang-undang kecil 2)

1. *German Shepard/Alsatian* termasuk *Belgian Shepard* dan *East European Shepard*
2. *Bull Mastiff*
3. *Bull Terrier*
4. *Perro de Presa Canario* (juga dikenali sebagai *Canary Dog*)

## JADUAL KEDUA

Anjing baka kecil  
(Undang-undang kecil 2)

1. *Minature Pinscher*
2. *Bichon Frise*
3. *Pekingese*
4. *Papillon*
5. *Poodle (Toy)*
6. *Japanese Chin*
7. *Maltese*
8. *Pomeranian*
9. *Chihuahua*

## JADUAL KETIGA

Anjing terlarang  
(Undang-undang kecil 2)

1. *Pit Bull Terrier/Pit Bull* (juga dikenali sebagai *American Pit Bull*, *American Pit Bull Terrier*, *American Staffordshire* dan *Stafford Bull Terrier*)
2. *American Bulldog*
3. *Neapolitan Mastiff*

4. *Japanese Tosa*
5. *Akita*
6. *Dogo Argentino*
7. *Fila Braziliero*

Dibuat 11 Ogos 2023  
[SUKPHG-3.600-1/1/19;PUN.PHG.D/100/28/15/3]

DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Yang Dipertua*  
*Lembaga Pembangunan Tioman*

Disahkan 24 Jun 2024

MOHD ZUKRI BIN SIDEK  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

---

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF DOGS (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) BY-LAWS 2022

---

**ARRANGEMENT OF BY-LAWS**

---

**PART I**

**PRELIMINARY**

By-laws

1. Short title and application
2. Interpretation

**PART II**

**LICENSING**

3. Licensing requirements
4. Licensing procedure
5. Licence renewal procedures
6. Registration and licence issuance
7. Licence fee
8. Exemption of licence fees
9. Licenced dog ownership exchange
10. Badge replacement
11. Wearing a collar and badge

**PART III**

**ENFORCEMENT**

12. Power to enter and inspect
13. Seizure and disposal of stray dogs
14. Penalty
15. Power of compounding
16. Compoundable offences
17. Prosecution

**PART IV**

**MISCELLANEOUS**

By-laws

18. Responsibilities of the owner
19. Restrictions imposed on the keeping of dogs
20. Control over restricted or controlled dogs
21. Control over small dogs in the flat
22. Prohibition on banned dogs
23. Diseased dogs
24. Nuissance
25. Offences related to stray dogs
26. Dog attacks, etc
27. Dangerous dogs
28. Cancellation and transitional provisions

**FIRST SCHEDULE**

**SECOND SCHEDULE**

**THIRD SCHEDULE**

---

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF DOGS (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) BY-LAWS 2022

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the State Authority hereby makes the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

**Short title and application**

1. (1) These by-laws may be cited as **Licensing of Dogs (Lembaga Pembangunan Tioman) By-Laws 2022**.

(2) These By-Laws shall apply in the Lembaga Pembangunan Tioman area.

(3) These By-Laws come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**Interpretation**

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“dog” means any tame dog of the canine type;

“small breed dog” means any dog as specified in the Second Schedule;

“licenced dog” means a dog that has been licenced under by-law 4;

“ordinary dog” means a breed or crossbreed of dog excluding restricted breeds or crossbreeds and banned dogs;

“guide dog” means a dog that has been trained to assist and guide a blind or disabled person (*OKU*) and has a certificate from any accredited training center;

“stray dog” means any dog that is left to wander or roam within the council area and outside the premises without control;

“restricted or controlled dog” means any dog as specified in the First Schedule;

“banned dog” means a breed or hybrid of a dog listed in the Third Schedule;

“register” means a record containing the details specified in by-law 6;

“veterinary surgeon” means a veterinary surgeon as defined in section 2 of the Veterinary Surgeons Act 1974 [Act 147];

“Board” means Lembaga Pembangunan Tioman;

“badge” means a badge or any identification having the same serial number as the dog’s registration number;

“officer” means any officer authorised in writing by the President;

“owner” means in relation to a dog, includes any person who owns, cares or has control over any dog;

“Licensing Authority” means the President/Deputy President or any officer of the Lembaga Pembangunan Tioman authorised in writing to issue a licence by the President;

“Veterinary Authority” means the Veterinary Authority as interpreted under the Animals Act 1953 [Act 647];

“public place” has the meaning as defined in the Local Government Act 1976 [Act 171];

“Deputy President” means the General Manager of the Lembaga Pembangunan Tioman;

“President” means the Chairman of the Lembaga Pembangunan Tioman and includes the Deputy Chairman.

## PART II

### LICENSING

#### **Licensing requirements**

3. (1) No person shall own, keep, harbour or care for any dog unless it is licenced under these By-Laws.

(2) A licence can only be granted if the applicant—

(a) has registered and paid the annual fee as stipulated under by-law 7.

(b) in the case of restricted or controlled dogs shall be made after—

(i) the applicant has attended and passed a dog handling course; and

(ii) the dog has attended and passed the “Canine Good Citizen” course

organised by any body certified by the President.

(c) In the case of small dogs in a flat, a letter of approval from the Joint Management Body (JMB) or Joint Management Corporation (JMC) must be included upon applying for a licence.

(3) A licence granted under these By-Laws shall be valid for a period of one year.

(4) The fees paid in pursuant to by-law 7 is not refundable.

(5) Any person who owns, keep, harbour, protect or care for any dog without a valid licence commits an offence.

### **Licensing renewal procedures**

4. (1) An application for a licence—

(a) shall be made to the Licensing Authority in such form or in any condition as may be determined by the Licensing Authority; and

(b) shall be accompanied by a processing fee of ten ringgit.

(2) Upon receipt of an application for a licence and the specified fee, the Licensing Authority shall—

(a) register the dog by causing an entry to be made in the register kept for that purpose regarding the description of the dog and the name and address of the owner or any other conditions prescribed from time to time; and

(b) issue to the owner of the dog a licence and badge or any other form of identification corresponding to the serial number or registration number of the dog.

(3) The Licensing Authority may, after considering the application, approve or refuse the application.

(4) A licence shall be renewed on or before the expiry of the licence.

### **Licence renewal procedures**

5. (1) An application for renewal of a licence shall be made to the Licensing Authority in any form as may be determined by the Licensing Authority and be accompanied by a fee as may be determined by the Board.

(2) The Licensing Authority may after considering the application approve or refuse the application.

(3) The fees paid pursuant to by-law 7 is not refundable.

### **Registration and licence issuance**

6. (1) The Licensing Authority shall keep and maintain a register which containing the following particulars—

(a) the address and particulars of the owner of the dog;

- (b) the breed, sex and age of the dog;
- (c) whether the dog has been spayed or castrated;
- (d) the place where the dog is kept;
- (e) licence serial number;
- (f) the validity period of the licence; and
- (g) any other relevant particulars.

(2) An application to change the information in the register must be made to the Licensing Authority in any form as determined by the Licensing Authority.

#### **Licence fee**

7. (1) The licence fee paid for each dog in each premises for a year is as follows:

Dog type	Fee (RM)
(a) ordinary dog	50.00 each
(b) castrated dog	20.00 each
(c) restricted or controlled dog	100.00 each
(d) small breed dog	50.00 each

#### **Exemption of licence fees**

8. The Licensing Authority may waive the licence fee for any dog owned by disabled person (*OKU*), government agencies and any person or body recommended by the Department of Veterinary Services.

#### **Licenced dog ownership exchange**

9. If there is a change of ownership of any licenced dog, the new owner shall within one month of the change notify the Licensing Authority of the change, and shall register the name and address of the new owner by paying a fee determined by the Board.

#### **Badge replacement**

10. If a badge is lost or damaged, the dog owner shall seek a replacement badge upon application and payment of the prescribed fee.

**Wearing a collar and badge**

11. The owner of a licenced dog shall provide a suitable dog collar for the dog to be wear, on which the dog's registration badge shall be affixed and clearly visible.

**PART III****ENFORCEMENT****Power to enter and inspect**

12. The Board or any officers may at any reasonable time enter any building or premises to carry out any inspection, investigation, seize or enforce any provision under these By-Laws for the purpose of determining whether an offence has been committed or is being committed under these By-Laws.

**Seizure and disposal of stray dogs**

13. (1) Any unlicenced dog or licenced dog is found roaming in any public place may be seized by the Board.

(2) The Board may seize any dogs caught in pursuant to these By-Laws for a period of two days for unlicenced dogs and seven days for licenced dogs in any place designated by the Board.

(3) Any owner may claim a dog belongs to him that has been seized by paying the prescribed fee.

(4) Where any dog seized in accordance with these By-Laws is found to be a licenced dog by the badge it wears, the Board shall serve on the person whose name and address has been entered in the register as the owner, a notice stating that the dog has been seized and is liable to be sold or disposed if not claimed within seven days from the date of the notice.

(5) A notice under these By-Laws may be deemed to have been served on the owner—

- (a) by delivering the written notice directly to the identified owner;
- (b) by leaving the written notice at the owner's address as stated in the register;
- (c) by forwarding a written notice by post to the owner's address as stated in the register; or
- (d) by conveying the susbtance of the notice by telephone, if any as stated in the register.

(6) A notice sent by post shall be deemed to have been served not later than the seventh day after the notice is posted.

(7) The Board may cause any dog seized in pursuant to these By-Laws to be sold, adopted or dispose if—

(a) in the case of a licenced dog which has been seized by the Board for seven days after capture, or in the case of a notice served under subparagraph (4), for seven days after the notice is posted—

- (i) has not been claimed by the owner;
- (ii) the owner refuses to pay the specified fee; or
- (iii) owner not found.

(b) in the case of an unlicenced dog which has been seized by the Board for two days after capture.

(8) Any dog seized under these By-Laws may be disposed forthwith after seizure if the Board is of the opinion that the dog is in such condition that it ought to be destroyed immediately.

(9) No compensation shall be payable by the Board to any party for—

- (a) any injury or death of any dog while the dog is under detention;
- (b) any act of sale, adoption or disposal of any dog under these By-Laws.

### **Penalty**

14. Any person who contravenes any provision of these By-Laws or any condition or direction given by the President commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to a terms of imprisonment not exceeding one year or both.

### **Power of compounding**

15. (1) The President or any officer may compound any offence committed under these By-Laws and be stated as a compoundable offence.

(2) The compounding of an offence in accordance to subparagraph (1) shall be made through a notice in writing to the person suspected of having committed the offence an amount not exceeding half the penalty rate within 14 working days.

(3) Any notice under subparagraph (2) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it is instituted.

(4) If the amount specified in the notice under subparagraph (2) is not paid within the period specified in the notice, prosecution of the offence may be instituted at any time.

**Compoundable offences**

16. Offences under these By-Laws are compoundable offences.

**Prosecution**

17. No prosecution shall be instituted against any offences under these By-Laws except with the written permission of the Public Prosecutor.

**PART IV****MISCELLANEOUS****Responsibilities of the owner**

18. Dog owners shall—

- (a) bring diseased or suspected diseased dogs to be examined and treated by a veterinary surgeon immediately;
- (b) inform the Board immediately if—
  - (i) the dog is diagnosed with any dangerous disease by veterinary surgeon; or
  - (ii) shows unusual behavior or signs that indicate he is suffering from a dangerous disease.
- (c) pay to the Board any costs for detention for surveillance or disposal of diseased dogs;
- (d) provide and maintain the place where the dog is kept so that it is sanitized, hidden from heat and rain;
- (e) do not dispose any faeces of the dog into drains, streets or public place or in any way that may cause nuisance to others;
- (f) ensure that the dog does not cause a nuisance to others due to incessant barking, bad smell or otherwise;
- (g) ensure that the dog is not left to roam outside the owner's premises;
- (h) in the case of restricted or controlled dogs, any dog that is taken out of the premises must be leashed and under the control of the owner and muzzled;
- (i) must collect and clean up his dog's faeces which is thrown in public place;
- (j) does not neglect his dog in any location outside the registered premises;

- (k) report the death or loss of a dog to the Board immediately;
- (l) display at all times a warning signs of dog's presence in a prominent and conspicuous place at the front and rear of the premise;
- (m) not abandon or left his dog in any public place; and
- (n) not keep, maintain or taken to any public place.

**Restrictions imposed on the keeping of dogs**

19. (1) Without prejudice to by-law 3, no person shall owns, keep, harbour or permit a dog to be kept or harboured—

- (a) more than two dogs on his premises which has an area of one thousand square meters or less; or
- (b) more than four dogs on his premises that has an area of more than one thousand square meters; or
- (c) more than one small dog in any flat or building with a strata title with the approval of the Board.

(2) The board may designate prohibition area for dogs.

**Control over restricted or controlled dogs**

20. Any person granted a licence by the Board to owns, keep, harbour, protect or care for restricted or controlled dogs shall—

- (a) keep the dog under proper surveillance at all times;
- (b) ensure that the dog is leashed and muzzled and under proper control at all times when it is taken out the premises;
- (c) ensure that the dog does not wander out of the place where it is kept;
- (d) ensure that its premises are securely fenced and that the fence is properly maintained at all times;
- (e) display at all times a warning sign in a prominent and conspicuous place at the front and rear of its premises.

**Control over small dogs in the flat**

21. Any person granted a licence by the Board to owns, keep, protect or care for a small dog in a flat shall—

- (a) keep the dog under proper supervision at all times;

- (b) ensure that the dog does not cause a problem or nuisance, or create any unreasonable disturbance to other occupants;
- (c) kept the dog in the owner's unit only and is not allowed to roam freely;
- (d) the dog is taken out from the building through the elevator service only;
- (e) ensure that dogs kept do not urinate or defecate in public place; and
- (f) responsible for immediate cleaning of the area if the dog commits an offence in paragraph 21(e).

### **Prohibition on banned dogs**

22. (1) Without prejudice to by-law 3, no person shall own, keep, harbour or maintain any banned dog.
- (2) The Board shall seize, confiscate and dispose of any banned dog found on any premises or roaming in a public place.
- (3) No compensation shall be payable to any owner for the disposal of any banned dog pursuant to subparagraph (2).

### **Diseased dogs**

23. (1) In the event of a dog being diseased, the owner of the dog shall forthwith have the dog examined and treated by a veterinary surgeon and the dog shall not be allowed to be kept in the owner's premises unless the dog has been examined and treated by the veterinary surgeon or under treatment, has been allowed by the veterinary surgeon to be kept therein.
- (2) Where it appears to the Board that a dog is suffering from any disease, the Board may, by written notice, require the owner to have it examined by a veterinary surgeon within specified period at the expense of the owner.
- (3) If the dog is detained in the Board's pound by any authority for the purpose of quarantine or treatment, the Board shall notify the owner to recover the dog within specified period upon payment of the costs incurred by the Board for detention or treatment or both.

- (4) Where the dog is not recovered by the owner or the owner refuses to pay the costs incurred by the Board under subparagraph (3), the Board may cause the dog to be sold, destroyed or otherwise disposed of and no compensation shall be paid to the owner by the Board.

**Nuisance**

24. The owner of a licenced dog shall take all necessary steps to—

- (a) ensure that the dog does not cause any nuisance to the neighbourhood or environment, particularly through incessant barking or otherwise.
- (b) ensure that any faeces or excrement from his dog does not cause a nuisance to the neighbourhood.

**Offences related to stray dogs**

25. (1) No person can—

- (a) abandoning or leave his dog in any public place.
- (b) feeding any stray dog in any public place.
- (c) marking any stray dog by any means including cutting off part of the ear, tying a leash or painting the dog.

(2) any person who contravenes subparagraph (1) commits an offence and may be subject to a penalty under by-law 14.

**Dog attacks, etc**

26. (1) If a licenced dog chases, attacks or bites any person, other person's pet whether or not any injury caused, or damages to public property, the owner commits an offence and may be compounded.

(2) Without prejudice to subparagraph (1), the owner shall be liable in damages for injury to any person or damages to property caused by the dog.

(3) No compensation shall be payable to any person under these By-Laws in respect of injury sustained in any house or premises unless such person has entered such house or premises in the ordinary course of his duties or with the consent of the occupiers.

**Dangerous dogs**

27. (1) The Board shall investigate a complaint that a dog is dangerous.

(2) Where it appears to the Board after conducting an investigation of such complaint that a licenced dog is dangerous, the Board may make an order directing the owner to keep the dog under proper control.

(3) For the purposes of subparagraph (2), if the licenced dog is proven to have attacked or injured any person or other person's pet, the dog may be dealt as dangerous.

---

(4) For the purpose of these By-Laws, a licenced dog is deemed not to be kept under proper custody if the dog is neither muzzled nor leash if it is in a public place.

(5) If the owner fails to comply as directed by the Board under subparagraph (2) or where it is proved that the licenced dog has again attacked or injured any person or other person's pet, the Board may order that the dog to be seized and disposed of, and no compensation shall be payable to the owner by the Board for such disposal.

### **Cancellation and transitional provisions**

28. Any notice, order, compound, licence, document or action made or issued under the repealed By-Laws shall be deemed to have been made or issued under these By-Laws and shall continue in force until revoked.

#### **FIRST SCHEDULE**

##### **Restricted or controlled dogs**

(By-law 2)

1. German Shepard/Alsatian including Belgian Shepard and East European Shepard
2. Bull Mastiff
3. Bull Terrier
4. Perro de Presa Canario (also known as Canary Dog)

#### **SECOND SCHEDULE**

##### **Small breed dogs**

(By-law 2)

1. Miniature Pinscher
2. Bichon Frise
3. Pekingese
4. Papillon
5. Poodle (Toy)
6. Japanese Chin

7. Maltese
8. Pomeranians
9. Chihuahuas

### THIRD SCHEDULE

#### Banned dogs

(By-law 2)

1. Pit Bull Terrier/Pit Bull (also known as American Pit Bull, American Pit Bull Terrier, American Staffordshire and Stafford Bull Terrier)
2. American Bulldog
3. Neapolitan Mastiff
4. Japanese Tosa
5. Akita
6. Dogo Argentino
7. Fila Braziliero

Made 11 August 2023  
[SUKPHG-3.600-1/1/19;PUN.PHG.D/100/28/15/3]

DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Yang Dipertua*  
*Lembaga Pembangunan Tioman*

Confirmed 24 June 2024

MOHD ZUKRI BIN SIDEK  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).